

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 7 OGOS 2018 (SELASA)

SOALAN : 63

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Bharu sebagai lapangan terbang antarabangsa, memandangkan lapangan terbang ini merupakan lapangan terbang domestik yang tersibuk dalam negara.

JAWAPAN

Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa ini, Malaysia telahpun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu di KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru. Lapangan-lapangan terbang lain termasuk LTSIP adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini.

Walaupun LTSIP tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.

Pada masa ini, terdapat penerbangan terus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke LTSIP dengan kekerapan 76 kali seminggu. Manakala dari destinasi lain seperti Subang, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching dengan kekerapan 97 kali seminggu.